

**Kerajaan Persekutuan Utamakan Rakyat Bukan Parti, Kata Shafie
Bernama
19 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 19 Julai (Bernama) -- Kerajaan persekutuan lebih mengutamakan kepentingan rakyat berbanding parti kerana rakyat perlukan sokongan pemerintah sama ada di peringkat pusat atau negeri tanpa mengira fahaman politik, kata Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu berkata, tindakan mementingkan parti sehingga mengabaikan rakyat boleh melahirkan ketaksuban dan menanam nilai-nilai yang tidak sihat.

"Saya melihat bahawa penerapan nilai-nilai tidak sihat di kalangan rakyat melahirkan ketaksuban dari segi politik dan nilai-nilai kurang sihat di kalangan rakyat.

"Contohnya di Kedah, pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) membeli saham Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH), pegawai itu bertindak bijak sebab ia dapat beri keuntungan kepada perbadanan," beliau mengulas arahan penjualan semula unit saham FGVH oleh kerajaan negeri Kedah yang dilaporkan pada Rabu.

Mohd Shafie berkata, disebabkan terlalu taksub dan lebih mengutamakan parti, kerajaan negeri tidak nampak kebaikan di sebalik pembelian saham itu dan mengarahkan PKNK menjual kembali unit yang telah dibeli.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681817>

